

<b>Publication</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Rencana / Pg. 12</b>
<b>Date</b>	<b>Tue, 27<sup>th</sup> Sept 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>No</b>
<b>Headline</b>	<b>Tingkat Daya Saing Usahawan Bumiputera</b>		

# Tingkat daya saing usahawan bumiputera

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
sofian.baharom@utusan.com.my

**P**ERNIAGAAN *online* adalah salah satu jalan penyelesaian terhadap isu-isu untuk mendapatkan premis atau ruang perniagaan kerana kebanyakan usahawan secara dalam talian ini tidak memerlukan untuk memulakan perniagaan mereka.

Dalam erti kata lain, peniaga-peniaga *online* boleh sahaja memulakan perniagaan mereka serta-merta dan menjadi sebahagian daripada komuniti peniaga maya tanpa melibatkan perbelanjaan yang besar serta hampir bebas risiko.

Sehubungan itu, bagi memastikan penglibatan peniaga bumiputera dalam bidang perniagaan *online* lebih teratur dan mendapat pendedahan daripada golongan yang mahir, adalah penting bagi peniaga untuk diberi pengetahuan sewajarnya agar mereka mendapat input-input yang diperlukan untuk berkembang maju dalam bidang tersebut.

Atas tanggungjawab itu, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta GiatMara Wilayah Persekutuan dan Selangor akan menganjurkan Konvensyen Usahawan Internet 2016 (Enterwip 2.0).

Program yang bertujuan membantu meningkatkan daya saing usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan *online* itu diadakan selama empat hari bermula Khamis ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Dalam program tersebut, golongan peniaga yang terlibat akan diberi pendedahan terhadap peluang-peluang dan pengembangan rangkaian perniagaan mereka selain diberi penerangan berhubung peluang pinjaman.

"Antara perkara yang kita tekankan pada program ini adalah bagaimana untuk mempelbagaikan segmen perniagaan yang boleh diceburi oleh kaum bumiputera.

"Kita akan memperkenalkan dan memberi peluang kepada usahawan baharu bumiputera mengenai perniagaan *online*,



**P**ERNIAGAAN dalam talian adalah salah satu jalan penyelesaian kepada masalah mendapatkan premis perniagaan dalam kalangan usahawan bumiputera. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

**Bagi memastikan penglibatan peniaga bumiputera dalam bidang perniagaan online lebih teratur dan mendapat pendedahan daripada golongan yang mahir, adalah penting bagi peniaga untuk diberi pengetahuan yang sewajarnya agar mereka mendapat input-input yang diperlukan.**

seterusnya menggalakkan lebih ramai bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan ini.

"Perniagaan *online* adalah satu perniagaan yang mudah, tanpa sempadan, tiada had waktu, tidak memerlukan modal yang banyak dan tiada risiko yang mana sangat sesuai untuk kaum bumiputera," kata Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Nor' Aini Abdul Wahab ketika

ditemui baru-baru ini.

Beliau memberitahu, sebanyak 1,000 usahawan internet bumiputera yang berjaya disasarkan dapat dilahirkan daripada program berkenaan.

Katanya, berdasarkan unjuran dan maklum balas daripada program tahun lepas, dianggarkan jumlah yang terlibat adalah sebanyak 10,000 peserta bagi program tersebut.

Menurutnya, seramai 43 orang usahawan berjaya dalam bidang perniagaan *online* akan menjadi penceramah dan juga mentor dalam bidang masing-masing.

Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM), jelasnya, akan diberi tanggungjawab untuk mengendalikan pengisian program tersebut iaitu dari segi jempunan penceramah, kandungan ceramah, pembangunan laman web bagi tujuan promosi dan pendaftaran dalam talian, penyediaan logo, reka bentuk bunting, tempahan gerai pameran serta penajaan.

"Sebanyak 12 segmen program telah dirancang kali ini berbanding hanya tiga sahaja pada tahun lepas. Program ini melibatkan 43 penceramah dan fasilitator.

"Program akan bermula pada pukul 10 pagi hingga 9 malam setiap hari mulai 1 dan 2 Oktober manakala pameran akan bermula pada 30 September," jelas beliau.

Tambahnya, antara segmen tersebut adalah sesi ceramah oleh 19 pakar yang akan berkongsi tips, kejayaan dan motivasi kepada peserta, sementara selebihnya adalah penceramah agensi kerajaan yang akan menyampaikan mesej kerajaan dan juga mendidik masyarakat tentang kaedah perniagaan yang mengikut lunas undang-undang.

Kelas *breakout* pula jelasnya, akan memberikan gambaran kepada peserta secara lebih terperinci bagaimana untuk memulakan perniagaan dan menjana pendapatan melalui *niche* masing-masing manakala sesi forum akan membincangkan secara bebas tentang isu-isu terkini *business online* dan juga memberi peluang kepada peserta bertanyakan soalan-soalan berkaitan.

"Selain itu, program ini turut melibatkan Clinic4U yang adalah sesi bersemuka. Peserta akan diberikan masa selama 15 minit untuk berjumpa dengan 12 pakar usahawan *online* dan bertanyakan soalan atau untuk mendapatkan nasihat. Sasaran ialah seramai 150 peserta akan diberi khidmat nasihat.

"Kita juga menganjurkan sesi *dropship market* yang adalah pameran yang unik kerana hanya pempamer yang adalah pemilik produk sahaja akan dibenarkan berada di kawasan ini kerana mereka akan bertindak sebagai pembekal kepada mana-mana pengunjung melalui penjualan kaedah *dropshop*," katanya.

Menurutnya, pemilik produk dan pengunjung akan berbincang mengenai harga dan dikehendaki untuk menyerahkan tanda tangan pada dokumen perjanjian yang akan disediakan.

"Langkah menandatangani dokumen ini menunjukkan pemilik produk bersetuju menjadi pembekal produk kepada pengunjung pada harga serta kaedah yang dipersetujui. Sebanyak 1,000 perjanjian disasarkan akan berjaya ditandatangani melalui sesi ini," katanya.